

ALAM WANITA

Peranan Wanita dalam Berbagai-bagai Lapangan

Dalam keluaran yang lalu penulisan rencana ini telah memperkatakan kedudukan wanita dalam lapangan ibadah dan masyarakat, begitu juga dalam pendidikan dan pengajaran. Maka kini sebagai sambungnya, beliau memperkatakan pula kedudukan wanita dalam lapangan sosial dan politik, perjuangan dan berangkat ke medan perang.

(Oleh: Haji Munawar Khalil)

Wanita dalam lapangan sosial.

Nabi (S.A.W) pernah bersabda kepada Saiyidatina ‘Āi’shah (R.A): “Hai ‘Āi’shah! Janganlah engkau tolak permintaan orang miskin walaupun dengan separuh butir buah kurma, hendaknya kau berilah. Hai ‘Āi’shah! Cintailah orang-orang miskin itu dan dekatilah mereka, nescaya engkau akan dekat kepada rahmat Allah kelak di Hari Kiamat.”

(Hadith riwayat al-Tirmidhī dari Anas)

Berhubung dengan pesanan Nabi (S.A.W) di atas, maka Saiyidatina ‘Āi’shah selaku permaisuri baginda adalah pakaiannya sederhana sekali, dan pada sewaktu-sewaktu beliau didatangi oleh orang peminta-peminta, kalau kebetulan ada sesuatu yang dipunyai pasti akan memberikan apa yang ada itu. Sehingga pernah diceritakan pada suatu hari beliau telah menerima hadiah wang dari Mu‘āwiyyah sebanyak 80.000 dirham, tetapi pada petang harinya beliau

tidak menyimpan lagi wang itu walau 1 dirham sekalipun. Maka pada hari itu salah seorang jariahnya telah berkata kepada beliau: “Wahai ibu orang-orang Mukmin! Mengapakah puan tidak membeli daging walau 1 dirham pun untuk kita?” Beliau baru sedar yang rumah tangganya tidak dapat bahagian apa-apa, tetapi hanya menjawab: “Mengapa kamu tadi tidak mengingatkan kalau kamu ingatkan akan daku, nescaya aku akan membelinya.”

Adalah diriwayatkan – pada suatu Hari Raya – dalam khutbah Hari Raya, Nabi (S.A.W) telah menasihatkan kamu lelaki supaya mengeluarkan sedekah (derma), kemudian baginda keluar menuju ke barisan (saf) kaum wanita dan menganjurkan mereka supaya mereka itu suka menyedekahkan harta benda atau hak milik mereka. Dengan hal yang demikian, muncullah seketika itu juga sebahagian dari kaum wanita

itu ke hadapan untuk melucutkan barang-barang perhiasan mereka yang sedang dipakai seperti subang dan cincin taruhkan di atas kain yang direntang oleh Bilāl, lalu barang-barang itu pun diambil oleh Bilāl di hujung kainnya.

Inilah salah satu riwayat yang menunjukkan bagaimana kaum wanita pada masa itu gemar mengadakan amal kebajikan atau giat dalam lapangan sosial atau kemasyarakatan yang masing-masing kita dapat menggambarkannya sendiri.

Adalah diriwayatkan bahawa salah seorang isteri Nabi (S.A.W) bertanya: "Ya Rasulullah! Siapakah di antara kami nanti yang paling cepat menyusul tuan hamba? (meninggal dunia)." Jawab baginda: "Dari antara kamu yang lebih panjang tangannya." Kemudian di antara isteri-isteri baginda itu pun ada yang mengambil kayu untuk mengukur tangannya. Dan adalah Saiyidatina Sa‘ūdah yang lebih panjang tangannya. Sesudah itu barulah mereka mengetahui bahawa yang dimaksudkan panjang tangannya itu ialah "sedekah". Dan memang ternyata bahawa Saiyidatina Sa‘ūdah yang suka bersedekah dan dia pulalah di antara isteri-isteri Nabi yang lebih dahulu meninggal dunia.

Dan dalam riwayat yang lain pula disebutkan, bahawa yang paling panjang tangannya itu ialah isteri Nabi yang bernama Saiyidatina Zaynab, kerana memang sesungguhnya beliau rajin bekerja dengan tangannya dan hasilnya disedekahkannya. (Hadith riwayat Muslim).

Demikianlah di antara hadith-hadith Nabi (S.A.W) yang menunjukkan pimpinan Nabi (S.A.W) atas diri kamu wanita Islam, agar mereka itu suka menolong mengasihani kepada orang miskin yang sedang menderita,

dengan jalan menyedekahkan harta benda atau hak milik mereka. Begitu pula di dalam al-Qur'an memang banyak ayat-ayat yang memerintahkan supaya kaum wanita Islam yang mampu itu pun supaya mengeluarkan zakat bagi harta benda mereka. Dengan demikian kaum wanita Islam itu pun berkewajipan ikut serta memikirkan dan melakukan kesosialan.

Wanita dalam lapangan politik.

Dalam rencana-rancana lalu telah kami kutip ayat 71 sūrat al-Tawbah yang mana dalam ayat itu Allah menjelaskan iaitu; di antara sifat-sifat kaum wanita yang Mukmin, mereka sebagiannya dengan sebahagian yang lain mengerjakan *amar ma'ruf* dan *nahī munkar*, iaitu memerintahkan kebajikan dan melarang kejahatan. Dalam hal ini termasuk jugalah soal politik atau ketatanegaraan. Maka kaum wanita Islam pada suatu saat seyogia pula hendaknya memikirkan soal-soal yang berkenaan dengan ketatanegaraan dan ikut serta mengerakkannya dan melakukannya. Kerana mengenai soal kemanusian rakyat dan keamanan negara itu kaum wanita ikut bertanggungjawab.

Riwayat telah menunjukkan bahawa di zaman Saiyidina 'Umar *rađiya Allāh semasa* beliau menjadi khalifah pernah mengumumkan tentang penetapan mas kahwin jangan dinaikkan lebih dari 400 dirham kerana pada saat itu rakyat sedang dalam keadaan makmur, tetapi beliau sangat khawatir akan akibatnya dibelakang hari nanti bila mana terjadi keadaan rakyat tidak makmur. Kemudian pada saat itu orang ramai tidak menyetujui jika mas kahwin

itu lebih dari 400 dirham, dan Saiyidina ‘Umar akan

ikut akan apa yang telah dikemukakan oleh seorang

melaksanakan kehendak orang ramai itu. Tiba-tiba datanglah

wanita tadi.

seorang wanita dari suku Quraysh kepada beliau dan

Inilah satu riwayat yang menunjukkan akan keberanian

menentangnya seraya berkata dengan tegas: “Tidakkah tuan

seorang wanita Islam di hadapan Khalifah yang terkenal

mendengar firman Allah (yang ertiannya); dan jika kamu telah

cekap dan adil. Dia menyampaikan kebenaran dengan

beri sepikul (mas kahwin) pada salah seorang

tidak ada rasa takut atau khuatir, kerana untuk

perempuan, maka janganlah kamu ambil kembali daripadanya

kepentingan umum dan kepentingan pengetahuannya sendiri.

sedikit juapun (ayat 20 al-Nisā’).”

Dalam ayat al-Qur’ān (ayat 32-34 surat al-Naml)

Saiyidina ‘Umar setelah mendengar ayat yang dibacakan itu

ada diceritakan tentang seorang puteri yang memerintah di negeri

dengan segera berkata: “Ya Allah! Ampunilah aku segenap

Sabā’ bernama “Balqīs”. Puteri Balqīs telah menerima

manusia rupa-rupanya lebih pandai dari ‘Umar.” Dan beliau

surat dari Raja Sulaymān yang berisi tawaran agar

lalu berkata lagi: “Perempuan ini benar dan ‘Umar

dia tunduk kepada agama Allah. Dia segera memanggil

yang salah. “Selanjutnya beliau lalu naik ke atas

sidang menteri-menterinya merundingkan tawaran tersebut

minbar untuk mencabut pengumumannya yang lalu dan kembali

dan memikirkan perkara yang sebaik-baiknya.

Abū Bakr al-Šiddīq.

Buku sejarah Islam yang menceritakan Khalifah Rasulullah yang pertama iaitu “Abū Bakr al-Šiddīq” susunan Sheikh Abdullah Basmeh telah dicetak semula dalam satu penggal, siap untuk dipesan dengan harga senaskhah \$2.50.

* * *

Buku ini telah dicetak dua penggal kerana pada masa diterbitkan dahulu penghargaan kepada buku-buku *tārīkh* tidaklah sebegitu mendapat perhatian. Melihat kepada perkembangan-perkembangan yang ada sekarang maka buku ini dicetak semula dengan dijadikan satu penggal dengan diubah tekniknya mengikut perkembangan masa sekarang. Dengan perubahan tekniknya ini diharap kelak dapatlah ia menarik perhatian pembaca-pembaca dan penggemar-penggemar perpustakaan untuk membaca dan memiliki.

Pesan kepada

Qalam 356/8 Geylang Road Singapura 14.

Tujuan Allah menceritakan hal itu untuk

Wanita dalam lapangan perjuangan.

menjadi suri teladan bagi segenap umat Nabī

Sebagai yang telah disebutkan dahulu, bahawa

Muhammad (S.A.W) bukan digunakan untuk bacaan semata-mata.

beberapa ayat al-Qur'ān ada yang menyatakan tentang kedudukan

Yakni: seorang raja wanita di zaman itu sudah pandai

wanita Islam di lapangan beramal dan bermasyarakat itu

dan cekap mengatur tatanegara. Dalam urusan yang

memang tidaklah berbeza dengan kaum lelaki Islam. Ada-

berkenaan dengan pemerintahannya, tidaklah diputuskan

pun perjuangan yang merupakan "jihad" atau

sendiri, tetapi dirundingkan di dalam parlimennya.

"perang" melawan musuh, menurut pimpinan Nabi (S.A.W)

Kalau seseorang wanita masa itu sudah

adalah sebagai berikut:

pandai dan cekap sedemikian rupa,

1. Dari 'Ai'shah *radiya Allāh katanya*: Aku pernah

mengapa kaum Muslimin tidak dapat melakukan

bertanya kepada Rasulullah (S.A.W) "Ya Rasulullah! Saya

dan memimpin negara sedemikian rupa juga? Dan

lihat berjihad itu semulia-mulia amal. Oleh itu adakah

apa yang telah dikatakan oleh Puteri Balqīs dalam sidang

kami (kaum perempuan) tidak ikut berjihad?" Jawab

menteri; bahawa para raja itu apabila memasuki satu

baginda: "Tidak! Malah bagi wanita itu mengerjakan

negara orang lain, tentu mereka membina negara

haji yang dikabulkan."

itu, dan menjadikan penduduknya yang tadinya mulia lalu

Mengikut satu riwayat yang lain baginda

menjadi hina dan dijajah. Kata-kata yang sedemikian

menjawab: "Ya! Atas mereka itu kewajipan jihad

itu tepat dan nyata, yang mestinya dijadikan ingatan

yang tidak ada pembunuhan di dalamnya, iaitu haji dan

oleh kaum Muslimin, agar negara dan penduduknya jangan

umrah."

oleh kaum Muslimin, agar negara dan penduduknya jangan

2. Dari Abū Hurayrah katanya: Bahwasanya Rasulu-

llah (S.A.W) pernah bersabda (yang ertiya) "Jihad bagi

menjadi hina dan dijajah atau dikuasai oleh

orang tua, orang lemah dan orang perempuan itu,

bangsa lain. Kerana dengan penjajahan itu kaum

ialah haji dan umrah."

Muslimin yang tadinya dalam kemuliaan lalu berbalik menjadi

Banyak hadith-hadith yang lain yang semakna dengan

hina-dina. Lebih-lebih jika yang menjajah itu golongan

hadith di atas, yang semuanya menunjukkan bahawa

bangsa yang berlainan agama, bukan dari kaum Muslimin

"jihad" kaum wanita Islam itu ialah mengerjakan

sahaja yang dalam kehinaan dan kerendahan, tetapi agamanya

ibadah haji. Tentang ini tidaklah sepatutnya mereka iri

pun akan terhina juga. (Mudah-mudahan Allah melindungi

hati mengapa kaum lelaki diwajibkan berperang sedang

kita dari yang demikian itu!)

mereka tidak? Kerana jihad atau berperang melawan musuh

Dengan riwayat yang kami ambil secara singkat

itu menghendaki tenaga yang kuat, yang gagah dan

ini dapat diambil ibarat, bahawa sekalipun golongan

wanita tetapi hendaklah juga mereka pandai dan cekap

pula dalam urusan ketatanegaraan atau politik.

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“*Florinda Puteri*

Sepanyol” ialah sebuah cerita

yang indah dan menarik, buah kalam

Jurji Zaydan, pengarang Mesir

yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan
tentara Islam yang dipimpin oleh

pahlawan Islam yang masyhur –

Tāriq bin Ziyād, menggempur tentera

Sepanyol dan menghancur leburkan

pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan

dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan

berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan

kurun.

(Naskhah Rumi: Sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam

356\8 Geylang Road Singapura 14.



perkasa. Dan melihat dari hadith-hadith itu tidak hanya kaum wanita sahaja yang tidak diwajibkan, malah lelaki yang telah berusia lanjut atau yang tubuh badannya lemah juga tidak diwajibkan berperang. Jadi sebabnya wanita tidak diwajibkan berperang kerana mereka jenis yang lemah.

Wanita ikut berangkat ke medan perang.

Namun demikian, jika kaum wanita Islam dihajatkan oleh para perajurit Muslimin yang berada di medan perang, tidaklah menjadi halangan dan tidak dilarang mereka ikut berangkat ke garis depan, ke medan perang. Selanjutnya jika memang keadaan memandang perlu, mereka pun dapat juga ikut melawan musuh dan seumpamanya sebagaimana yang pernah berlaku di zaman Nabi (S.A.W) yang riwayatnya kami kutip di bawah ini:

1. Dari Umm ‘Atiyyah katanya: “Saya pernah ikut

Rasulullah (S.A.W) berperang – 7 kali peperangan – saya menjaga kenderaan-kenderaan mereka (askar Muslimin) saya memasakkan makanan-makanan untuk mereka, saya mengubati yang luka-luka dan merawat mereka yang sakit.” (Hadith riwayat imam-imam Muslim, Ibnu Mājah dan al-Dārimī).

2. Dari Anas katanya,: “Adakah Rasulullah

(S.A.W) pergi bersama Umm Sulaym (Ibnu Anas) dan

beberapa orang wanita dari kaum Anṣār. Apabila Nabi

(S.A.W) berangkat ke medan perang, mereka ikut serta

di medan perang dan di garis depan, mereka mengambilkan

air minum untuk para perajurit dan mengubati

di antara mereka yang sakit.” (Hadith riwayat imam-imam

Muslim, al-Tirmidhī dan Abū Dā’ūd).

3. Dari Rabi‘ binti Ma‘udh katanya: “Kami (kaum wanita) biasa ikut berperang bersama Rasulullah (S.A.W). Dalam perang itu kami mengubati mereka yang luka, dan kami mengangkut mereka yang gugur ke kota Madinah.” Dalam lain riwayat: “Kami ikut berperang bersama Nabi (S.A.W) yang mana kami mengambilkan air minum untuk para perajurit, kami melayani untuk memasakkan makanan bagi mereka, dan kami mengangkut mereka yang luka dan gugur ke kota Madinah.” (Hadith riwayat Imam al-Bukhārī).

4. Dari Anas katanya: “Bahwasanya Umm Sulaym pernah memegang jambia di medan perang Ḥunayn. Oleh Rasulullah (S.A.W) diketahuinya lalu ia ditanya; untuk apa kamu pegang jambia ini? Ia menyahut; saya pegang jambia ini jika ada musuh orang Islam mendekati saya, nescaya saya tikam perutnya dengan jambia ini. Maka Rasulullah (S.A.W) tertawa mendengarnya.” (Hadith riwayat Imam Muslim).

5. Dari Ibnu ‘Abbās katanya: “Adalah Rasulullah (S.A.W) pernah pergi berperang bersama-sama para wanita dalam pada itu mereka bekerja mengubati orang-orang yang luka, dan mereka mendapat bahagian dari harta rampasan.” (Hadith riwayat imam-imam Muslim, al-Tirmidhī dan Abū Dā’ūd).

6. Dari Anas katanya: “Tatkala terjadi peperangan Uhud, banyak di antara tentera Islam mundur – meninggalkan Nabi (S.A.W) – pada waktu itu saya melihat ‘Āi’shah dan Umm Sulaym berlari-lari ke sana ke mari, hingga saya lihat gelang kaki mereka. Mereka berdua mengangkat air minum di dalam *qurbah* (tempat air dari kulit

kambing) di atas belakang mereka, lalu dituangkannya air itu ke mulut tiap-tiap askar, kemudian mereka berdua mengambil air lagi dan memenuhi *qurbahnya*, lalu datang lagi menuangkan air itu ke mulut tiap-tiap askar.”

(Hadith riwayat Imam al-Bukhārī dan Muslim)

Dari hadith-hadith di atas dan beberapa banyak lagi hadith yang lain, yang termaktub dalam kitab-kitab hadith dan sejarah, menjelaskan kepada kita bahawa wanita Islam di zaman permulaan Islam dan di zaman keemasannya, banyaklah yang ikut berjuang di medan perang melawan musuh di barisan hadapan. Sejarah menceritakan nama-nama mereka yang ikut berjuang di zaman Nabi (S.A.W). Di antaranya; isteri-isteri baginda seperti Saiyidatina ‘Āi’shah dan puterinya Saiyidatina Fāṭimah, ibu saudaranya Ṣafiyah, ibu sahabatnya Umm Sulaym dan lain-lain lagi. Dapatlah disimpulkan bahawa para wanita Islam yang ikut berjuang di medan perang itu tugasnya ialah untuk:

1. Mengangkat atau menyediakan air minum untuk para perajurit.
2. Memasak dan menyediakan makanan sewaktu-sewaktu untuk mereka
3. Menjaga atau merawat para perajurit yang menderita sakit.
4. Mengubati para perajurit yang mendapat luka.
5. Menjaga atau memelihara kenderaan kepunyaan mereka.
6. Menjahitkan pakaian bagi mereka.
7. Mengangkat atau mengurus mereka yang tewas atau yang gugur.

8. Mengamat-amati gerak-geri musuh.

9. Menyediakan segala sesuatu yang memang

dihajatkan oleh mereka.

10. Jika dipandang perlu dapat juga bertempur melawan musuh, dan ikut mempertahankan tempat kedudukan panglimanya.

Demikianlah.....bahkan pula suatu riwayat yang menunjukkan, bahawa di zaman Khulafā' al-Rāshidīn pernah berlaku seorang wanita Islam ikut berangkat –

menyeberangi lautan – naik kapal menuju ke lain negeri bersama para perajurit Islam untuk berperang memerangi musuh Islam, namanya “Umm al-Ḥarām binti Muḥāfiẓ”. Jadi walaupun pada mulanya kaum wanita Islam itu tidak diwajibkan ikut berperang melawan musuh, tetapi jika memang dipandang perlu dapat juga mereka itu turut serta ke medan perang dan ikut melawan musuh dalam pertempuran.

Tambahan

Sebagai tambahan, kami sebutkan di sini nama-nama wanita-wanita Islam yang terkenal dalam sejarah mengikut lapangan masing-masing:

Di antara mereka yang terkenal dalam lapangan pengetahuan dan pendidikan ialah; Siti Shifā', Umm Kalthūm, ‘Āi'shah binti Sa‘ad, Karīmah binti Miqdād, Umm Salamah, ‘Āi'shah binti Ṭalḥah, Asmā' binti Abū Bakr, dan Asmā' binti ‘Isā.

Di antara mereka sebagai ahli pidato ialah; Saiyidatina ‘Āi'shah, Saiyidatina Fāṭimah, Sakīnah, Zarqā', Bint al-'Ulamā', Khawlah, Dārimiyah.

Ahli sihir dan kesusasteraan ialah; ‘Āi'shah,

Fāṭimah, Khansā', ‘Āi'shah binti Ṭalḥah.

Menurut keterangan al-Imām Nawawī; tidak sedikit para wanita Islam yang ahli hadith, ahli tafsir dan ahli fiqh. Di antaranya yang bernama Shahadah binti Abī Anṣār. Ia seorang guru wanita di Mesir yang mempunyai ribuan murid lelaki dan perempuan.

Demikianlah seterusnya, orang akan dapat menyelidiki sendiri dalam buku-buku *tārīkh* Islam yang sesungguhnya, dan dunia tanpa menjadi saksi akan adanya pahlawan-pahlawan wanita Islam.

(a) Siri Buku2 Bachaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)			
(Abdul Rahman H. Said)			1.50
2. Tunas Baru I	1.00
(Abdul Rahman M. Said)			1.50
3. Tunas Baru II, III, IV			
4. Senang Bacha I dan II			
(Hasan Basri)	satu		80

(b) Buku2 Bachaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A.H. Edrus)	.30
6. Peristiwa Hari Sabtu „,	.30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut	.30
8. Lutong Sakti I	,.35
9. Lutong Sakti II	,.35
10. Karun Dengan Harta-nya	.35
11. Pekebun Yang Tama'	,.35
12. Lembu Chantek	,.35
13. Kisah Minangkabau	,.40
14. Sutan Balun	,.40
15. Puteri Balqis	,.45
16. Penduduk Gua	,.50
17. Sebab Harimau	,.50
18. Cherita Burong Hantu	.75
19. Nakhoda Dengan Datok Perpateh	.30
20. Si-Buta	,.30

QALAM

356 & 358 Geylang Road,
Singapore 14.